

19 JUL 1999

Mahathir-Motosikal

JAGUH, LAMBANG KEBEBASAN BANGSA MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

GURUN, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan model kedua motosikal nasional, Modenas Jaguh yang dianggapnya sebagai lambang kejaguhan dan kebebasan bangsa Malaysia.

Dalam majlis penuh gilang-gemilang di Kilang Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) di sini, Dr Mahathir berkata pelancaran motosikal itu juga dianggap kejayaan bermakna bagi kerajaan dalam menerapkan teknologi automotif di kalangan rakyat Malaysia.

"Dulu sebelum merdeka, bangsa Melayu hanya bekerja sebagai pesawah... hanya segelintir bekerja dengan penjajah sebagai budak pejabat dan kerani," katanya dalam ucapan pelancaran itu.

Beliau berkata, bangsa Melayu kekal dalam kemiskinan dan tidak ada yang menjadi tukang kayu, mekanik kenderaan dan tukang membaiki jam yang dipelopori oleh kaum Cina manakala kaum India bekerja di ladang getah.

"Tetapi selepas merdeka kita memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menghapuskan kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum. Hasilnya kita boleh lihat hari ini dengan rakyat kita sudah boleh menggunakan teknologi untuk menghasilkan motosikal," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang dibentuk selepas merdeka mengambil sikap bertanya kepada yang lebih mengetahui terutamanya dalam mendapatkan teknologi bagi membangunkan negara.

Sebagai contoh, beliau berkata Modenas yang baru mencecah dua setengah tahun ditubuhkan di negara ini belajar mendapatkan teknologi dengan mengadakan usahasama dengan syarikat pembuat motosikal Jepun, Kawasaki.

"Kita tanya berkaitan teknologi kepada mereka yang mengetahui dan mungkin satu hari nanti orang akan bertanya kepada kita apabila kita sudah menjadi pakar," katanya.

Beliau berkata, sesuatu yang kita inginkan akan menjadi kenyataan apabila ia disulami dengan disiplin yang tinggi dan yakin boleh melakukannya.

"Saya sudah melawat kilang di sini dan saya dapati kesemua kerja-kerja yang berkaitan dengan aspek pemasangannya dilakukan oleh rakyat kita... inilah yang patut dibanggakan," katanya.

Beliau berkata hasil dari proses pembelajaran itu, Proton, sebagai contohnya sudah mampu menghasilkan kereta dari peringkat rekabentuk hingga kepada pengeluarannya.

Perdana Menteri berkata, Modenas pula kini mampu menghasilkan sebuah motosikal dalam masa setiap enam minit.

"Inilah yang dikatakan hasil daripada teknologi yang dipelajari serta kebebasan yang dikecapi selama ini," katanya.

Beliau turut mengingatkan rakyat supaya menghargai kebebasan yang dikecapi itu dan jangan melepaskannya kerana peluang itu tidak akan datang untuk kali kedua.

Sementara itu, Modenas Jaguh merupakan motosikal enjin empat lejang dengan kuasa 175 cc. Ia mempunyai gaya 'cruiser' dengan tempat duduk yang rendah, sesuai untuk keselesaan penunggangnya.

Jaguh dengan harga atas jalan RM7,500 sebuah mempunyai tahap pemberhentian yang stabil, transmisi lima tahap kelajuan, menjimatkan minyak dan mempunyai brek cakera hadapan yang sangat berkesan.

Anak syarikat Modenas yang mengedarkan motosikal nasional itu, Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos) meletakkan sasaran jualan 12,000 unit untuk tahun pertama diikuti 20,000 unit pada tahun kedua, manakala ia hanya akan

diekspot pada penghujung tahun ini.  
-- BERNAMA  
MAN PR